

KERATAN AKHBAR



|              |   |                  |                |
|--------------|---|------------------|----------------|
| SURAT KHABAR | : | METRO AHAD       |                |
| TARIKH       | : | 24/11/2019       | MUKA SURAT : 5 |
| JABATAN      | : | PERHILITAN       |                |
| KLASIFIKASI  | : | <b>PERHATIAN</b> |                |

Oleh Nor Amalina Alias  
am@hmetro.com.my  
**Pasir Puteh**

Dua biawak sungai seberat 20 kilogram an-tara 648 haiwan eksotik yang dirampas pasukan Polis Marin Wilayah 3 dalam Ops Khazannah di sebuah belukar di Kampung Air Tawar, Tok Bali di sini, kelmarin.

Lebih mengejutkan sindiket turut menyembunyikan semua haiwan terbabit di dalam sebuah belukar sebelum diseludup keluar untuk dijual ke negara jiran.

Bagaimanapun, mimi zoo yang menempatkan 100 musang, 473 kura-kura, 43 labi-labi dan 26 biawak dianggarkan bernilai RM241,840 berjaya dibongkar pihak berkuasa.

Dalam operasi jam 6 petang kelmarin, empat lelaki terdiri daripada seorang warga Vietnam berusia 18 hingga 44 tahun ditahan.

Komander Pasukan Polis Marin Wilayah Tiga, Asisten Komisyoner Norzaid Muhammad Said berkata, per-

# MINI ZOO EKSOTIK

## Polis Marin rampas 648 haiwan bernilai RM241,840



NORZAIID bersama pegawainya menunjukkan sebahagian antara 648 haiwan eksotik yang dirampas dalam Ops Khazannah di sebuah belukar di Kampung Air Tawar, Tok Bali, Pasir Puteh.

tindak atas maklumat awam, pihaknya membuat risikan selama 10 hari sebelum menahan empat sus-

pek terbabit "Ketika ditangkap, mereka sedang menunggang haiwan eksotik itu ke dalam

kereta di sebuah belukar untuk diseludup keluar melalui laluan laut bagi memenuhi pasaran Vietnam untuk

penggemar makanan eksotik.

"Kita percaya sindiket itu menjadikan belukar itu sebagai penempatan sementara bagi mengumpul haiwan eksotik itu sejak dua minggu lalu.

"Haiwan ini dipercayai diperoleh dari beberapa negeri termasuk Kelantan, Perak dan Pahang berikutan terdapat haiwan yang bersaiz luar biasa," katanya ketika ditemui pada sidang

media di Markas Taktikal Pasukan Polis Marin Tok Bali, di sini, semalam.

Menurutnya, empat suspek itu direman selama empat hari bermula kelmarin atas kesalahan mengikut Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716).

"Kita turut merampas sebuah Proton Iswara Aero-back berwarna kelabu dan alat penimbang dipercayai untuk urusan jual beli.

"Semua haiwan yang dirampas akan diserahkan kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (PERHILITAN) negeri untuk tindakan lanjut," katanya.



BIAWAK Sungai yang diselamatkan dalam serbuan kelmarin.